

Ucapan : ADHO
426
75/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn semasa merasmikan Pembukaan Bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Sempang Tiga, Sungai Daun, Yen, Kedah pada 18.4.1971
pukul 11.00 pagi

Ada-lah menjadi satu penghormatan bagi saya di-jemput ka-majlis pembukaan bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Sempang Tiga, Sungai Daun. Bangunan tambahan ini telah di-bena dengan harga \$46,000.00 dan mempunyai 5 bilek darjah, sa-buah bilek guru, sa-buah kantin dan tandas. Kapada penduduk2 kampung ini saya ucapkan tahniah kerana mendapat bangunan tambahan yang akan menempatkan lebeh ramai lagi anak2 kita bersekolah di-sini. Ini-lah kali yang kedua saya melawat Kedah, semenjak di-lantek menjadi Menteri Pelajaran.

Kerajaan ada-lah memberikan perhatian yang amat berat sekali kapada hal2 pelajaran. Ini boleh dibuktikan dari peruntokan2 yang di-luluskan oleh Parlimen sejak beberapa tahun yang lalu yang mengatasi peruntokan2 bagi lain2 Kementerian. Peruntokan2 tersebut ia-lah untuk mengadakan perkhidmatan dan kemudahan yang lebeh baik dan lebeh lengkap bagi semua anak2 kita, mulai dari Sekolah2 Rendah hingga-lah ka-perengkat2 yang paling tinggi ia-itu perengkat Universiti. Kebanyakan sekolah2 telah mendapat bangunan2 baharu yang lebeh moden dan lengkap. Sekolah2 yang berkehendakkan bangunan2 tambahan, seperti sekolah ini telah juga memperolehi bangunan2 tambahan yang terbaharu. Tuan2 dan puan2 boleh lihat sendiri dari 4 buah Sekolah Menengah Kerajaan yang ada di-Kedah dalam tahun 1957 di-masa kita mula menchapai kemerdekaan, kita telah dapat mengadakan 14 kali ganda bilangan tersebut dalam masa 13 tahun kita merdeka. Sekarang Sekolah2 Menengah telah tumbuh dengan subur di-serata tempat dan daerah dalam negeri ini.

Sungguh pun pada 'am-nya kemajuan2 yang telah di-chapai di-dalam bidang meninggikan taraf pelajaran di-negeri ini sangat memuaskan, saya seru pehak ibu bapa

murid2, hendak-lah juga bersama2 lebeh lagi mengambil berat dalam perkara menuntut ilmu. Kementerian Pelajaran hanya dapat menyediakan kemudahan2 seperti mengadakan sekolah2, alat2 pengajaran dan pelajaran dan melateh dengan lebeh banyak lagi guru2 yang berkelayakan. Di-samping itu, Kementerian saya juga pada masa ini sedang giat mengadakan latehan samula dan latehan dalam perkhidmatan bagi pensharah2 dan guru2 bukan Melayu agar mereka dapat menguasai Bahasa Malaysia untok mengajar anak2 kita..

Ada-lah di-ingatkan bahawa daya usaha dan penghargaan ilmu pengetahuan itu hendak-lah datang-nya daripada murid2 sendiri. Sebagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, rakyat Malaysia hendak-lah mempunyai semangat yang chintakan serba kemajuan dan salah satu kemajuan yang menjadi teras kepada segala kemajuan, seperti ekonomi, sosial dan politik ada-lah bergantung kepada kemajuan rakyat kita. Dengan lain perkataan kemajuan pelajaran dan pendidekan ada-lah menjadi lambang kesejahteraan, kesentosaan dan perpaduan satu2 negara.

Kita kini sedang berada di-ambang abad dua puluh, satu zaman kemajuan sains dan teknologi. Untok membanyakkan generasi muda yang baik dalam pelajaran sains dan teknologi dan untok mengeluarkan pekerja2 yang mahir, Kementerian Pelajaran semenjak 3 tahun yang lalu telah mengadakan kursus sains dan 2 tahun yang lalu kursus ilmu hisab berchorak "Nuffield Science" dan "Ilmu Hisab Moden", bagi guru2 di-peringkat sekolah menengah. Saperti yang kita semua ketahui bahawa Malaysia sekarang berada di-ambang Rancangan Malaysia Yang Kedua termasuk pembenaan bermacam2 perojek. Kejayaan perojek2 ini sudah tentu bergantung di-atas kebolehan negara kita mengadakan pekerja2 yang mahir untok melaksanakan rancangan2 sa-umpama itu menjadi kenyataan. Ini berma'ana sekolah2 kita mesti-lah memainkan peranan yang lebeh penting lagi untok menghadapi chabaran itu. Bagi pehak Kementerian Pelajaran, menjelang tahun 1974, suka saya nyatakan di-sini bahawa lagi 5 buah Sekolah Teknik akan di-bena dan satu daripadanya akan di-bena di-Alor Star, Kedah.

Di-samping memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada kanak2 kita, sekolah2 kita mesti-lah juga berusaha membena satu masyarakat yang bersatu-padu. Sekolah2

juga mesti menolong untuk menanamkan sifat2 tertentu yang lain seperti menumpahkan ta'at setia kepada Raja dan Negara, ketabahan, kerajinan, kejujuran, daya-usaha, kerjasama dan muhibbah mengikut semangat Rukunegara.

Di-sini saya juga berharap supaya guru2 semua bekerja kuat bagi menjayakan chita2 bangsa dan negara ia-itu mengujudkan rakyat Malaysia yang bersatu-padu, terpelajar dan berdisiplin. Segala sumbangan guru2 ada-lah di-pandang tinggi dan di-hargai oleh nusa dan negara. Saya tahu bahawa tugas guru2 di-negara kita ini agak berat jika di-bandingkan dengan negara2 lain - di-samping mengajar, guru2 terpaksa mengawasi gerak-geri murid2 dan juga diri sendiri supaya perkara2 yang mungkin merosakkan muhibbah dan perpaduan dapat di-elakkan. Sungguh pun demikian, peranan ibu-bapa tidak kurang penting-nya menchapai segala chita2 ini, sebab sa-bahagian besar masa anak2 itu ia-lah berada di-samping ibu-bapa mereka di-rumah masing2. Oleh itu sana2-lah kita didek, pimpin dan tunjok-ajar generasi muda kita agar mereka menjadi warganegara yang berguna kepada nusa dan bangsa.

Kapada ahli2 Lembaga Pengurus, guru besar dan guru2 sekolah ini saya ucapkan terima kaseh dan tahniah kerana dapat mengadakan majlis yang meriah ini. Ini membuktikan bahawa apabila ada kata-sepakat dan perasaan nahu memajukan kanak2 kita, maka majlis2 yang meriah lagi muhibbah seperti ini dapat di-atorkan. Akhir kata, saya menyeru agar tiap2 murid menggunakan sekolah ini, sebaik2-nya bagi mereka menchari ilmu pengetahuan yang berguna. Pada ibu-bapa janganlah hendak-nya dengan ada-nya bangunan tambahan ini, merosot pula bilangan anak2 yang bersekolah, sebab mereka menyuroh kanak2 itu ka-ladang atau ka-bendang menolong kerja mereka sa-hari2. Perbuatan ini akan merugikan ibu-bapa sendiri dan juga kanak2 itu nanti apabila mereka dewasa kelak.

Guru Besar dalam ucapan-nya telah menyatakan harapan untuk mengadakan sa-buah padang permainan. Suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa Kenenterian Pelajaran melalui Pejabat Pelajaran Kedah telah pun membeli tanah seluas 4 ekar untuk di-jadikan padang permainan kanak2 di-sini, dan padang permainan ini akan di-pagar apabila peruntukan di-lulus tidak

berapa lama lagi. Di-harap dengan ada-nya padang permainan yang baik ini, anak2 di-sekolah ini akan lebeh chergas bukan sahaja di-bidang pelajaran malahan di-bidang sukan dan lain2 lagi permainan.

Sekian dan saya dengan sukachita-nya merasukan pembukaan bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Sempang Tiga, Sungai Daun ini.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

17hb. April, 1971.



No Siri	24
No Penerimaan	24/80